

**AFRIKA SELATAN** merupakan salah sebuah negara paling maju dan pesat membangun di



PEMANDANGAN bandar Johannesburg dari atas bangunan Carlton.

**PENULIS** merakamkan gambar di patung gergasi Nelson Mandela di bandar Pretoria.

## Merungkai sejarah dan peradaban

**A**FRIKA SELATAN menempuh pelbagai cabaran sepanjang penubuhan negara itu. Ia juga terkenal di seluruh dunia gara-gara dasar apartheid yang pernah mendiskriminasi penduduk asli berkulit hitam dengan komuniti penjajah berkulit putih.

Namun, itu semua kisah lama. Afrika Selatan berjaya bangkit dan boleh dianggap sebagai salah sebuah negara paling maju serta pesat membangun di benua Afrika.

Negara itu juga mempunyai cuaca empat musim yang menyenangkan. Oleh kerana kedudukannya di hemisfera selatan Bumi, ia mempunyai sistem cuaca yang mirip dengan Australia dan New Zealand iaitu musim sejuk berlaku pada pertengahan tahun dan musim panas pada penghujung tahun.

Pengunjung yang melawat Afrika Selatan untuk kali pertama

boleh memulakan lawatan di kota Johannesburg. Ia merupakan bandar terbesar dan salah satu daripada enam ibu kota negara tersebut.

Di situ, anda disarankan untuk menyingkap sejarah perjalanan penduduk tempatan dalam mencapai demokrasi di Constitution Hill.

Ia merupakan bekas penjara dan tugu ketenteraan yang kini

berfungsi sebagai sebuah muzium yang menceritakan tentang masa silam. Ia juga menempatkan mahkamah perlembagaan yang memperjuangkan hak penduduk tempatan.

Bagi memudahkan aktiviti harian, naik sahaja bas persiaran Hop On Hop Off yang akan membawa anda mengelilingi kota Johannesburg.

### Tokoh dunia

Salah satu destinasi yang harus disinggahi adalah Carlton Centre iaitu sebuah bangunan pencakar langit yang menawarkan pemandangan indah bandar Johannesburg dari ketinggian sekitar 223 meter.

Teruskan perjalanan ke Muzium Apartheid yang menceritakan segala kisah pahit penduduk asal Afrika Selatan selain perjuangan tokoh dunia Nelson Mandela.

Untuk mengetahui lebih banyak tentang ikon kebebasan itu, singgahlah ke kawasan Soweto yang juga merupakan daerah popular Afrika Selatan.

Daerah itu merupakan kawasan tempat tinggal kebanyakan penduduk kulit hitam. Di lokasi itu juga terletak Muzium Mandela atau lebih dikenali sebagai Mandela House.

Ia pernah menjadi tempat tinggal Mandela dari tahun 1946 hingga 1962. Tidak jauh dari lokasi itu terletak

sebuah restoran popular nama Sakhumzi yang menawarkan pelbagai juadah tempatan.

Malah, berkat jumlah beragama Islam yang banyak di Afrika Selatan, daging kambing

### PERCUTIANKU

Oleh SHAH SHAMSHIR  
Foto PURDEY MORISONI



Ini memudahkan percutian untuk mencari makanan tanpa was-was. Di kawasan terletaknya Orlando Towers menjadi tempat untuk aktiviti bungee.

Bagi mendapatkan pengetahuan tentang seni serta budaya ke daerah Maboneng. Kawasan dengan pelbagai kedai seni dipelopori oleh para seniman mula mencipta nama di sini. Pelbagai fesyen dan karya anda dilihat serta dibeli.

Selesai bersiar-siar di sepanjang langkah ke pentadbiran Afrika Selatan terletak sekitar 30 minit dari bandar Johannesburg dan kereta.

Di Pretoria, pengunjung boleh melihat deretan patung pejuang yang pernah berjuang kepada pembebasan dan kemerdekaan Afrika Selatan. March to Freedom National Monument.

Ini termasuklah patung Gandhi dan Mandela.

Tidak ketinggalan adalah Park yang merupakan tempat dan kini berfungsi sebagai peringatan mereka yang berjuang untuk Afrika Selatan. Tidak jauh dari situ juga

- Adakah anda seorang pelancong atau penggemar aktiviti lasak dan berminat berkongsi pengalaman? Jika ya, hantarkan artikel untuk disiarkan dalam kolom Percutianku/X-plorasi.
- Sila sertakan 10 keping gambar pelbagai sudut berbeza dan panjang artikel kira-kira 900 perkataan.
- Sertakan butir-butir peribadi seperti nama, nombor telefon, pekerjaan, umur, tempat tinggal dan negara yang pernah dilawati.
- Hantarkan ke [horizonkosmo@gmail.com](mailto:horizonkosmo@gmail.com).

— PENGARANG



BILIK tidur mewah di dalam kereta api Rovos Rail menuju ke Cape Town.

**MUZIUM**  
Apartheid  
terletak di  
daerah Soweto.



**DERETAN** patung-patung gangsa pejuang kemerdekaan di Long March to Freedom National Heritage Monument di Pretoria.



**INFO** Afrika Selatan

- Afrika Selatan adalah sebuah republik di selatan Afrika.
- Bandar terbesar Afrika Selatan ialah Johannesburg
- Terkenal di seluruh dunia dengan dasar *apartheid* yang mendiskriminasi penduduk berkulit hitam
- Merupakan antara negara paling maju dan membangun di benua Afrika
- Memiliki cuaca empat musim
- Mempunyai banyak kesan peninggalan sejarah dan antara yang tertua di dunia

**PENGUNJUNG** boleh menaiki bas persiaran Hop On Hop Off ketika mengelilingi Johannesburg.



# Afrika Selatan

ar yang diberi  
menghidangkan  
an yang enak.  
n penduduk  
gak ramai di  
yang digunakan  
adalah halal  
seperti  
kebanyakan  
laging yang dijual  
di restoran dan  
pusat membeli-  
belah di seluruh  
Afrika Selatan.  
ngunjung Muslim  
n yang halal  
asan Soweto juga  
wers yang kini  
aktiviti lompatan

monumen Voortrekker, sebuah tugu yang dibina untuk memperingati komuniti petani kulit putih yang berhijrah dari Eropah (khususnya dari Belanda) dan meninggalkan Cape Colony (Tanjung Harapan) sekitar awal tahun 1800-an.

Ia banyak menceritakan tentang pertemuan pertama pendatang kulit putih dengan penduduk asli Afrika Selatan.

Satu lagi tempat yang harus dikunjungi adalah kawasan *Union Buildings* yang merupakan pusat pentadbiran seperti Putrajaya di Malaysia. Di sinilah terletak patung gergasi Mandela yang merupakan lambang utama penduduk Afrika Selatan.

**Kereta api mewah**

Di sekelilingnya adalah kawasan taman indah yang turut dijadikan sebagai tempat rekreasi dan riadah penduduk yang mahu bersenang atau berkelah.

Dari Pretoria, tidak lengkap rasanya jika anda tidak ke Cape Town sebuah bandar raya yang sangat popular di Afrika Selatan.

Terdapat pelbagai cara untuk ke sana dari Pretoria atau Johannesburg. Namun, satu pengalaman yang wajar dicuba sekiranya berkemampuan adalah dengan menaiki kereta api mewah Rovos Rail yang memakan masa selama dua malam dari stesen khas mereka di Pretoria.

Ia benar-benar satu pengalaman yang unik kerana tamu kereta api dilayan dengan begitu istimewa.

Selain tempat penginapan yang luas, makanan yang enak dan minuman serta hidangan percuma sepanjang perjalanan, tetamu juga berpeluang melawat beberapa kota lain yang disinggahi Rovos Rail seperti Kimberley yang terkenal

dengan perlombongan berlian dan sebuah kota lama yang unik bernama Matjiesfontein.

Di Cape Town pula pastikan anda singgah ke kawasan dermaga Victoria dan Alfred (V&A Waterfront) yang terkenal dengan pelbagai tarikan dan pemandangan indah.


Di lokasi itu anda boleh menaiki bas pelancong Hop On Hop Off sekali lagi untuk melawat sekitar Cape Town. Jangan lepaskan peluang mengunjungi Table Mountain untuk menikmati panorama indah dari atas gunung dengan menaiki kereta kabel.

Lawati juga rumah berwarna-warni di Bo Kaap yang merupakan kawasan perumahan penduduk Melayu Muslim Afrika Selatan yang sering menjadi tarikan pelancong asing.

Tidak ketinggalan, adalah persiaran bot mengelilingi perairan dermaga V&A yang memberi peluang kepada pengunjung menyaksikan anjing laut yang bermain sepanjang hari.



**LOMBONG** berlian di Kimberley antara daya tarikan pelancong di Afrika Selatan.



**ORLANDO TOWER** di Soweto kini terkenal dengan aktiviti lompatan bungee.

edikit maklumat  
ya, jangan lupa  
awasan itu kaya  
serta kafe yang  
niman muda yang  
i Afrika Selatan.  
ya seni dapat  
di sini.  
di Johannesburg,  
Pretoria, ibu kota  
atan yang hanya  
it dari pusat  
dengan menaiki  
ung boleh  
y-patung gangsa  
menyumbang  
skriminasi serta  
elatan di Long  
ional Heritage  
ng Mahatma  
alah Freedom  
capak bersejarah  
gai tugu  
g tewas ketika  
Selatan.  
uga adalah